

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN

TARIKH: 28 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 13

Kebakaran tapak pelupusan sampah Semeling Bomba guna 17 bom air

Sungai Petani: Tujuh belas bom air dilepaskan selain operasi di darat bagi memastikan kebakaran di tapak pelupusan sampah di Semeling, padam sepenuhnya.

Operasi memadam kebakaran yang sudah berlarutan lapan hari sejak 20 Januari lalu, bakal dihentikan tidak lama lagi selepas kawasan 1.2 hektar disahkan tiada kebakaran baharu.


Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba Sayani Saidon, berkata kebakaran semakin berkurangan selepas operasi itu dibantu Unit Udara JBPM, kelmarin.

"Kita masih meneruskan operasi hari ini (semalam) di darat yang diketuai Penguasa Kanan Bomba II Mohd Firdaus Daud

khusus bagi mengesan kebakaran baharu. Dalam operasi semalam (kelmarin), sebanyak 11 bom air dilepaskan pada pagi dan selebihnya pada petang, sementara operasi di darat dibahagikan kepada empat sektor.

"Bagi operasi di darat, kami menggunakan sumber air dari *hydrosub* dan satu sektor menggunakan sumber air daripada *water tanker*," katanya, semalam.

Sayani berkata, operasi di darat disertai 53 anggota dari 17 Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) termasuk BBP Pengkalan Hulu, Perak dan BBP Perda, Pulau Pinang, selain Jabatan Alam Sekitar (JAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).



Anggota Unit Udara Bomba Subang, Selangor memantau kebakaran tapak pelupusan sampah Semeling.
(Foto ihsan JBPM)